Artikel Penyelidikan

Seni Tekat Benang Emas: Kehalusan dan Keunikan Sulaman Seni Tekat Warisan Negara; Puan Azizah binti Adam.

Nur Aimi Atirah Binti Abdul Malik[1], Siti Ubaidah Binti Mohd Zaini[2], Siti Aishah Binti Mokhtar[3*] dan Noor Arina Binti Md Arifin[4]

[1] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020872672@student.uitm.edu.my;

[2] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020862702@student.uitm.edu.my;

[3] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;

[4] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; arina848@uitm.edu.my;

* Correspondence: aishah835@uitm.edu.my; 0133869763.

Abstrak: *Temu bual ini dilakukan bersama dengan Puan Azizah binti Adam yang merupakan seorang tokoh seni kraf tekat benang emas dari negeri Perak Darul Ridzuan. Sesi temu bual ini dijalankan untuk mengetahui tentang latar belakang perjalanan hidup dan pengalaman Puan Azizah binti Adam dalam kerjayanya sebagai seorang penekat benang emas. Temu bual ini telah dijalankan secara atas talian di platform Google Meet pada 21 Januari 2023 sekitar pukul 10 pagi. Minat beliau yang mendalam terhadap seni kraf tangan tekat benang warisan negara ini telah membantunya menjana pendapatan. Puan Azizah binti Adam mula menceburi bidang seni tekat ini sejak tahun 1979 sehingga berjaya menubuhkan bengkel dan perniagaannya sendiri. Kehalusan sulaman seni tekat benang Azizah Adam yang hebat telah berjaya membawanya terbang sehingga ke luar negara. Kesabaran dan kesungguhan beliau dalam memajukan bidang seni kraf ini memberinya banyak kenangan manis dan pahit buat dirinya. Berpuluh tahun sudah berlalu, jiwa dan cinta Puan Azizah binti Adam terhadap dunia seni kraf masih tidak pudar dan sedia untuk meneruskan cintanya dalam warisan seni kraf ini seiring dengan peredaran zaman.*

Kata kunci: Seni Kraf, Seni Tekat Benang Emas, Tekat Benang, Kraf Tradisional, Puan Azizah Adam

Copyright: © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

1. PENGENALAN

Warisan negara merupakan khazanah negara yang sangat bernilai yang perlu dijaga dan dipelihara agar tidak pupus. Warisan negara bukan sahaja terdiri daripada bangunan yang bersejarah, peninggalan monumen malah seni kraf tangan juga tergolong daripada satu warisan negara yang perlu dijaga. Budaya dalam sesebuah masyarakat banyak dipengaruhi oleh ketamadunan dan kemasyhuran sesebuah negara itu sendiri. Dalam masa yang sama, ianya turut mendorong kepada manifestasi seni dikalangan masyarakat tersebut. Yunani dan Rom adalah contoh tamadun besar yang mencapai kegemilangan dalam konteks kesenian dan kebudayaan sebagaimana yang dibuktikan dalam sejarah. Bagi membangunkan sesebuah masyarakat dan membentuk sesebuah negara bangsa yang beridentiti, ianya dipengaruhi oleh seni dan budaya tradisi di mana ianya mempunyai peranan yang cukup besar (Mohammad Haris Abd Azis, 2021). Warisan negara perlu dijaga dan dipelihara kerana ia dapat membantu dalam pembentukan jati diri bangsa dan negara. Warisan sesebuah negara biasanya dipengaruhi oleh nilai peradaban dan aspek sejarah terdahulu yang biasanya yang diwarisi daripada hasil tinggalan nenek moyang. Seterusnya, warisan Negara dapat mengekalkan perpaduan antara kaum. Sebagai buktinya, bidang kesenian telah menyatupadukan masyarakat berbilang kaum yang

ada di negara kita. Contohnya apabila tiba bulan kemerdekaan, setiap kaum mempersembahkan persembahan kesenian budaya masing-masing. Melalui acara ini, setiap kaum dapat melihat dan mengenali bidang seni setiap kaum yang lain.

Warisan seni kraf di Malaysia sememangnya suatu seni yang harus dibanggakan dan dipelihara sebaik mungkin. Setiap penghasilan dan ciptaan seni kraf dilihat mempunyai keunikannya yang tersendiri. Kajian ini telah dijalankan terhadap seni kraf tekat benang emas yang tidak asing lagi dalam masyarakat terutamanya bagi rakyat negeri Perak. Seni tekat benang emas merupakan karya seni tekstil yang bersifat eksklusif dan halus. Tekat benang emas ini sering digunakan dalam kalangan kerabat diraja dan dijadikan sebagai kegunaan kelengkapan bagi keluarga raja-raja atau istana. Kajian ini dilaksanakan untuk membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat dan pengetahuan yang lebih jelas tentang topik yang dikaji.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Tekatan merupakan antara suatu hasil karya seni hiasan tradisional tekstil Melayu yang indah dan unik sejak dahulu lagi. Walau bagaimanapun, seni kraf tekat benang masih lagi tidak dikenali oleh ramai orang terutamanya dalam kalangan golongan muda. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menambahkan pengetahuan dalam menjawab segala persoalan yang timbul terhadap tokoh dan seni kraf tekat benang emas. Selain daripada itu, banyak penulisan terdahulu yang digunakan sebagai rujukan membincangkan sejarah seni tekat, teknik penghasilan motif dan juga peranan komuniti penggiat dalam mengekalkan warisan kraf di Kuala Kangsar (Fuad et al., 2022; Ramli et al., 2021). Namun begitu, masih kurang kajian yang di buat untuk meneliti pengalaman individu tertentu melalui pendekatan sejarah lisan. Melalui kaedah ini, perjalanan kerjaya, pengalaman peribadi dan sumbangan seseorang tokoh kepada seni kraf dapat diterokai dengan lebih mendalam.

Sehubungan itu, kajian ini memberikan tumpuan khusus kepada Puan Azizah binti Adam dengan mendokumentasikan pengalaman beliau dalam bidang tekat benang emas. Melalui temu bual yang dijalankan membolehkan pengalaman tokoh direkodkan sebagai sumber rujukan untuk memahami kesinambungan seni tekat, kepentingan kemahiran tradisional dan usaha mengekalkan warisan seni kraf Melayu. Kajian ini juga dilihat mampu menjadi pelengkap kepada penulisan terdahulu dengan mengetengahkan perspektif penggiat kraf berdasarkan pengalaman yang diperoleh sepanjang penglibatan beliau dalam bidang tersebut.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui dan mendapatkan maklumat tentang tokoh Puan Azizah binti Adam serta pengalamannya dalam bidang seni tekat benang emas. Kajian dijalankan untuk menggariskan beberapa objektif seperti berikut:

3.1. Merungkai segala persoalan berkaitan tokoh tekat benang emas.
3.2 Mengkaji dengan lebih mendalam tentang penglibatan tokoh dalam seni kraf tekat benang emas.
3.3 Mengenal pasti sejauh manakah sumbangan dan pencapaian tokoh terhadap seni kraf tekat benang emas.

4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menjelaskan persoalan berikut:

4.1 Siapakah Puan Azizah binti Adam?
4.2 Apakah penglibatan tokoh dalam seni kraf tekat benang emas?
4.3 Apakah sumbangan dan pencapaian tokoh terhadap seni kraf tekat benang emas?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk dijadikan sumber rujukan dan juga sebagai panduan di samping dapat meluaskan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam terhadap bidang seni kraf tekat benang emas. Diharapkan hasil daripada kajian ini dapat membantu dalam memberikan pendedahan dan kefahaman yang lebih jelas tentang kepentingan warisan seni kraf tekat benang emas. Melalui kajian ini juga, hasil dapatan dapat membantu pihak-pihak berkepentingan dan para penyelidik di masa hadapan dalam bidang seni kraf dan berkenaan. Justeru, kajian ini sememangnya memberikan maklumat penting dan baharu kepada organisasi, masyarakat, negara, dan agensi berkaitan tentang kepentingan bidang seni kraf tekat benang emas.

6. TINJAUAN LITERATUR

6.1 Sejarah dan Latar Belakang Seni Tekat Benang Emas

Seni tekat benang emas dilihat sebagai satu warisan seni tekstil tradisional Melayu yang mempunyai nilai sejarah yang tersendiri, di samping nilai estetika dan juga nilai kebudayaan yang tinggi. Seni tekat benang emas ini turut dikenali sebagai *bersuji* di mana ianya dihasilkan melalui teknik sulaman benang emas atau perak pada kain dasar seperti baldu. Proses penghasilannya memerlukan penggunaan peralatan seperti pemidang, mempulur dan benang emas bagi membentuk motif hiasan yang tersusun serta kemas. Jabatan Warisan Negara (n.d.) menjelaskan bahawa perkembangan seni tekat mempunyai kaitan rapat dengan pakaian dan kelengkapan keluarga diraja serta istana Melayu. Hal ini memperlihatkan bahawa seni tekat bukan sekadar hasil kraf hiasan, malah menjadi sebahagian daripada tradisi tekstil yang mencerminkan kedudukan sosial dan identiti budaya masyarakat Melayu.

Kamarudin et al. (2015), dalam kajian mengenai kelestarian kraf tradisional Melayu di Kuala Kangsar, Perak, membincangkan kedudukan seni tekat benang emas sebagai kraf tradisional yang mempunyai hubungan rapat dengan identiti budaya dan sejarah masyarakat setempat. Di Malaysia, Kuala Kangsar, Perak merupakan antara kawasan yang sinonim dengan penghasilan tekat benang emas. Kajian ini telah disokong oleh Fuad et al. (2022), dalam kajiannya di mana seni tekat emas ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan sejarah, kehidupan sosial dan kegiatan ekonomi masyarakat setempat. Pada peringkat awal, hasil tekatan banyak digunakan untuk kelengkapan istiadat diraja, pakaian rasmi dan peralatan perkahwinan. Perkembangan penggunaannya kemudian membuka peluang kepada penghasilan produk kraf untuk pasaran yang lebih luas. Oleh itu, seni tekat benang emas perlu dilihat sebagai warisan hidup yang terus berkembang mengikut perubahan keperluan masyarakat tanpa mengabaikan nilai tradisi dan keaslian teknik pembuatannya.

6.2 Teknik Penghasilan dan Keunikan Motif Tradisional

Proses penghasilan, pemilihan bahan dan pembentukan motif tradisional memerlukan ketelitian yang tinggi bagi menghasilkan produk seni tekat benang emas yang unik. Menurut Ramli et al. (2021), dalam menghasilkan tekatan yang mempunyai nilai estetika dan identiti tersendiri, reka bentuk motif tradisional merupakan elemen penting. Motif yang digunakan bagi menunjukkan sesuatu hiasan, dalam masa yang sama memperlihatkan kreativiti, kemahiran dan kehalusan kerja tangan penghasilnya. Fuad et al. (2022) dalam kajiannya mengatakan bahawa ketepatan penyediaan motif dan kekemasan sulaman mempengaruhi hasil akhir sesuatu produk tekatan. Kekemasan hasil kerja dipengaruhi oleh kesabaran, kemahiran teknikal dan penelitian yang tinggi kerana sedikit kesilapan

boleh menjejaskan hasil akhir produk. Hal ini jelas membuktikan, seseorang penekat bukan sahaja memerlukan pengetahuan tentang teknik sulaman, tetapi juga kemahiran, pengalaman dan keupayaan dalam memastikan mutu hasil kraf dapat dikekalkan.

Keunikan sesuatu seni tekat benang emas bukan sahaja terletak pada teknik sulamannya, malah turut ditonjolkan melalui pemilihan motif, corak dan warna yang membawa nilai estetika serta makna budaya. Yusof dan Mahamood (2015) dalam tinjauan kajian mereka menunjukkan bahawa banyak motif yang bersumberkan unsur alam semula jadi, simbol, kosmologi dan objek tertentu dalam seni sulaman tekat tradisional Melayu. Motif yang dipilih menunjukkan bahawa penghasilan tekat bukan sekadar bertujuan menghias permukaan tekstil, tetapi turut mencerminkan kreativiti dan pemahaman budaya masyarakat yang menghasilkannya. Setiap hasil tekat dilihat mempunyai kehalusan yang tersendiri kerana ianya telah melalui proses penghasilan menggunakan kemahiran tangan yang penuh teliti. Justeru, segala pengetahuan dan pengalaman berkaitan teknik dan motif tradisional perlu direkodkan agar keaslian serta nilai estetik seni tekat dapat terus difahami dan diwarisi dari zaman ke zaman.

6.3 Peranan Tokoh Kraf dalam Pemeliharaan Warisan

Tokoh kraf memainkan peranan penting dalam memastikan kemahiran tradisional terus diamalkan dan diwariskan kepada generasi seterusnya. Pengetahuan yang dimiliki oleh penggiat berpengalaman merangkumi kemahiran teknikal, pemilihan bahan, pembentukan motif dan pemahaman terhadap nilai budaya sesuatu hasil kraf. Hasil kajian Fuad et al. (2022) menunjukkan bahawa terdapat komuniti penggiat tekat di Kuala Kangsar yang telah menyumbang kepada pemeliharaan kemahiran tradisional melalui penghasilan kraf. Komuniti ini juga sentiasa aktif berkongsi pengetahuan dengan generasi muda berkaitan aktiviti seni mereka. Dalam konteks kajian ini, tokoh yang ditemubual iaitu Puan Azizah binti Adam merupakan seorang wanita yang berpengalaman panjang dalam bidang tekat benang emas. Sejarah penglibatan beliau dalam bidang ini bermula pada tahun 1979 dan beliau seterusnya berjaya menubuhkan bengkel serta perniagaannya sendiri (Abdul Malik & Mohd Zaini, 2023). Melalui perkongsian cerita berkaitan pengalaman tokoh, beliau dilihat sebagai tokoh yang sangat sesuai untuk ditemubual bagi berkongsi cerita mengenai minat, ketekunan dan penglibatan berterusan seseorang penggiat kraf yang telah memberikan sumbangan besar kepada kelangsungan warisan seni tekstil tradisional.

Yusof (2014) pula menegaskan bahawa pentingnya untuk mendokumentasikan cerita berkaitan pelbagai aspek dalam seni tekat kerana ianya dapat membantu mengekalkan kesinambungan warisan tersebut. Seperti mana dalam konteks ini, segala penceritaan tokoh mengenai pengalaman dan pengetahuan beliau boleh dijadikan sebagai sumber yang penting bagi memahami segala proses penghasilan, pemilihan motif, penggunaan peralatan dan juga cabaran yang dihadapi tokoh dalam mengekalkan amalan tradisional. Dokumentasi melalui temu bual ini juga dilihat berpotensi besar dalam merakamkan pengetahuan praktikal yang sukar diperoleh daripada bahan bertulis. Justeru itu, perlu ada usaha daripada pelbagai pihak untuk mendokumentasikan pengalaman tokoh kraf kerana ianya dapat membantu memelihara pengetahuan dan kemahiran seni tekat untuk rujukan kajian masa hadapan, selain daripada rujukan pembelajaran generasi akan datang, dalam masa yang sama sebagai usaha menghargai sumbangan tokoh.

6.4 Potensi Ekonomi dan Kelangsungan Seni Tekat

Seni kraf tradisional dilihat mempunyai potensi besar sebagai sumber utama pendapatan dan kegiatan ekonomi masyarakat. Fuad et al. (2022) dalam kajian mereka, membincangkan mengenai hubungan antara penghasilan tekat benang emas dengan kegiatan ekonomi komuniti di Kuala Kangsar. Jelas menunjukkan bahawa hasil seni produk ini digunakan secara meluas untuk kegunaan

majlis istiadat, perkahwinan dan juga turut dijadikan sebagai hiasan dan jelas menunjukkan bahawa seni tekat mempunyai peluang yang besar untuk terus dikomersialkan kerana ianya dapat disesuaikan dengan permintaan semasa tanpa menghilangkan ciri tradisionalnya. Pengalaman tokoh iaitu Puan Azizah binti Adam sendiri telah membuktikan bahawa minat terhadap seni kraf dengan pembentukan kerjaya dan perniagaan mempunyai perkaitan yang rapat. Hasil dapatan daripada temu bual yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa kemahiran beliau dalam bidang tekat telah membolehkan beliau menjana pendapatan serta mengembangkan hasil kerja sehingga mendapat liputan daripada luar negara (Abdul Malik & Mohd Zaini, 2023). Justeru, ini jelas membuktikan bahawa seni kraf warisan berpotensi menjadi kegiatan ekonomi yang berterusan dengan disokong oleh kemahiran, komitmen dan usaha dalam memperluas lagi pasaran produk seni tekat emas ini.

7. METODOLOGI

Dalam menjalankan sesebuah kajian atau penyelidikan, kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data adalah perkara yang dikira sangat penting bagi menghasilkan hasil kajian yang berkualiti. Kaedah kajian yang dipilih bagi mendapatkan data yang diperlukan ialah kaedah temu bual dengan tokoh yang dipilih iaitu Puan Azizah binti Adam. Kaedah temu bual merupakan satu kaedah yang boleh dikatakan penting dan mempunyai kesahihan yang tinggi kerana penyelidik dapat memperoleh informasi dan maklumat terus daripada individu tersebut. Kaedah kajian temu bual ini di buat secara atas talian melalui atas platform *Google Meet*. Sebelum memulakan sesi temu bual ini kami telah menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dan soalan tersebut terbahagi kepada enam bahagian yang penting. Contohnya, bahagian pertama ia berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian kedua melibatkan latar belakang pendidikan. Manakala bahagian ketiga berkaitan dengan pengalaman kerjaya beliau sebagai seorang tokoh seni tekat benang emas yang sudah berpengalaman dalam bidang seni bidang tekat lebih dari 40 tahun. Seterusnya, bahagian tentang bantuan dan perkhidmatan. Bukan itu sahaja, temu bual ini juga berkisarkan tentang pencapaian dan sumbangan, serta harapan dan nasihat yang merupakan bahagian terakhir dalam soalan temu bual tersebut. Kesimpulannya, kaedah kajian temu bual ini sangat membantu kami dalam menyiapkan kajian ini dengan mudah dan kami peroleh banyak maklumat yang bermanfaat sekali gus ia telah menjawab persoalan yang diajukan.

8. HASIL KAJIAN

Berdasarkan temu bual yang dijalankan bersama Puan Azizah binti Adam pada 21 Januari 2023, kajian ini mengenal pasti beberapa aspek penting berkaitan penglibatan beliau dalam seni kraf tekat benang emas. Dapatan kajian dihuraikan berdasarkan latar belakang penglibatan tokoh, perkembangan kerjaya dan perniagaan, pencapaian dan pengiktirafan hasil kraf serta sumbangan beliau terhadap kesinambungan seni kraf warisan.

8.*1 Penglibatan Awal dalam Seni Tekat Benang Emas*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan awal Puan Azizah binti Adam dalam bidang seni tekat benang emas bermula pada tahun 1979. Beliau menunjukkan minat yang mendalam dan berterusan terhadap seni kraf tradisional Melayu iaitu seni tekat benang emas. Abdul Malik dan Mohd Zaini (2023), menyifatkan Puan Azizah mempunyai minat yang mendalam terhadap seni tekat di mana ianya telah menjadi titik permulaan kepada perjalanan beliau sebagai penggiat kraf. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang tersebut, banyak pengalaman yang diperoleh beliau menggambarkan komitmen beliau yang sangat tinggi dalam mengekalkan kemahiran seni tekstil tradisional. Penglibatan jangka panjang ini penting dalam memahami perkembangan seseorang penggiat kraf kerana kemahiran menekat memerlukan latihan, ketelitian dan pengalaman. Dalam konteks kajian ini,

perjalanan Puan Azizah sejak tahun 1979 menjadi asas untuk meneliti bagaimana minat terhadap seni warisan dapat berkembang menjadi suatu bidang kerjaya yang berterusan.

8.2 Perkembangan Kerjaya dan Pembentukan Perniagaan

Hasil kajian turut menunjukkan bahawa penglibatan Puan Azizah dalam seni tekat tidak terhad kepada aktiviti menghasilkan kraf secara individu. Beliau telah berjaya menubuhkan bengkel dan perniagaannya sendiri, sekali gus memperlihatkan potensi seni tekat sebagai sumber pendapatan. Tokoh merupakan seorang yang sangat berkemahiran tinggi dalam menghasilkan sulaman tekat benang emas dan beliau telah berjaya mengembangkan kerjaya dalam bidang tersebut. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa minat, ketekunan dan usaha yang digabungkan dengan kemahiran seni tradisional yang ada mampu memberikan manfaat ekonomi dan membangunkan perniagaan sektor tekat benang emas. Perkembangan kerjaya Puan Azizah jelas menunjukkan bahawa seni kraf warisan merupakan satu bidang yang wajar diteruskan sebagai satu kegiatan yang produktif, selain berfungsi sebagai medium pemeliharaan budaya sesebuah masyarakat.

8.3 Pencapaian dan Pengiktirafan Hasil Kraf

Berdasarkan rekod temu bual yang dijalankan, hasil sulaman tekat benang emas Puan Azizah telah berjaya mendapat perhatian sehingga ke luar negara. Hal ini jelas membuktikan bahawa hasil kraf tradisional tempatan mempunyai potensi yang sangat besar untuk diperkenalkan sehingga ke peringkat antarabangsa. Kehalusan hasil kerja dan pengalaman yang dimiliki oleh penggiat kraf merupakan aspek yang tidak dapat dipertikaikan lagi dan perlu diperkenalkan kepada masyarakat luar. Walau bagaimanapun, pengiktirafan khusus, negara yang menerima hasil kraf beliau dan bentuk penglibatan antarabangsa hendaklah diperincikan berdasarkan jawapan dalam transkrip temu bual atau dokumen sokongan yang berkaitan. Pengesahan ini penting bagi memastikan semua maklumat pencapaian yang dilaporkan mempunyai bukti yang mencukupi.

8.4 Ketekunan dan Komitmen terhadap Kelangsungan Warisan

Dapatan kajian menggambarkan ketekunan dan kesungguhan merupakan aspek penting yang sepanjang perjalanan Puan Azizah bergiat dalam seni tekat benang emas. Minat dan kerajinan beliau masih tinggi walaupun telah lama terlibat dalam bidang ini. Abdul Malik dan Mohd Zaini (2023) melaporkan bahawa beliau masih mempunyai komitmen untuk meneruskan penglibatan dalam seni tekat seiring dengan perubahan zaman. Komitmen tersebut memperlihatkan kepentingan peranan individu yang mempunyai pengalaman dalam mengekalkan kesinambungan seni kraf tradisional. Pengalaman tokoh Berjaya seperti Puan Azizah seharusnya direkodkan agar segala ilmu dan pengetahuan berkaitan perjalanan kerjaya dan penglibatan beliau dalam seni tekat dapat dijadikan sumber rujukan kepada penyelidik dan juga generasi akan datang.



Gambar 1: Penggunaan tekat dalam pakaian rasmi dan tradisi istana Melayu.

9. KESIMPULAN

Daripada hasil kajian, dapat dirumuskan bahawa perjalanan Puan Azizah binti Adam dalam seni tekat benang emas merangkumi penglibatan beliau untuk tempoh jangka panjang, perkembangan kerjaya beliau dari, bagaimana beliau menubuhkan perniagaan selain daripada usaha berterusan beliau dalam mengekalkan seni kraf warisan. Kelangsungan seni tekat bukan sahaja bergantung pada keunikan hasil sulaman, tetapi juga pada minat, ketekunan dan komitmen penggiat yang mengamalkannya Hal ini jelas telah digambarkan dan dibuktikan daripada pengalaman beliau sendiri. Melalui kajian yang dijalankan, jelas membuktikan bahaya pentingnya pengalaman seseorang individu terutama yang mempunyai pengetahuan dalam sesuatu bidang tradisional, perlu direkodkan dan didokumentasikan.

Kelangsungan seni tekat memerlukan usaha berterusan untuk meningkatkan pengetahuan masyarakat, khususnya generasi muda. Pendedahan melalui demonstrasi, bengkel, latihan kemahiran dan dokumentasi pengalaman tokoh dapat membantu memastikan pengetahuan yang sukar diperoleh melalui pembelajaran teori sahaja terus diwariskan. Oleh itu, usaha pemeliharaan seni tekat perlu merangkumi aspek pemindahan ilmu, pengembangan pasaran dan pendokumentasian pengalaman penggiat kraf.

RUJUKAN

Abdul Malik, N. A. A., & Mohd Zaini, S. U. (2023). *Transkrip wawancara bersama Puan Azizah binti Adam* [Transkrip sejarah lisan tidak diterbitkan]. Universiti Teknologi MARA. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/80597/

Fuad, F. H. A., Mohd Arshard, W. N. R., Zainal, M., & Mohamed Noor, N. A. (2022). Traditional Malay couched embroidery "Tekat Benang Emas" and community in Padang Changkat Kuala Kangsar, Perak. ARTe: Art & Expression *(7*, 43–45). Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak. https://ir.uitm.edu.my/81774/1/81774.pdf

Jabatan Warisan Negara. (n.d.). *Tekat*. https://www.heritage.gov.my/ms/kraf.html?catid=17%3Ainfo-jwn&id=234%3Atekat&view=article

Kamarudin, Z., Abdul Latip, N. S., Mansor, M., Salleh, N. H., & Hakim, L. (2015). Sustainability of Malay traditional craft and craftsmanship as cultural heritage in Kuala Kangsar, Perak,

Malaysia. *Journal of Architecture, Planning and Construction Management.* https://journals.iium.edu.my/kaed/index.php/japcm/article/download/523/406/1147

Kasim, S. (2025). *Seni tekat benang emas: Warisan gemilang dari Perak yang tetap bersinar*. Rona Tinta, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/132927/

Mohammad Haris Abd Azis. (2021, April 2*). Seni dan budaya tradisi perlu anjakan paradigma.* BERNAMA. https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1947937

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (n.d.). *Azizah binti Adam: Tekatan benang emas*. https://kraftangan.gov.my/info/adiguru-kraf/azizah-binti-adam

Ramli, H., Said, T. S., Chan Heng Aik, H., Chee, M. T., & Tuah, M. S. B. (2021). Adaptasi keindahan reka bentuk motif tradisional menerusi seni tekat benang emas. *Jurnal Peradaban Melayu, 16*(1), 31–40. https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.1.4.2021

Yusof, S. (2014). *Tekat as a Malaysian heritage: A study of motif, form and meaning* [Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA]. UiTM Institutional Repository. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/16318/

Yusof, S., & Mahamood, M. (2015). Seni sulaman tekat tradisional dalam tekstil Melayu. *ICOMHAC2015 eproceedings* (344–367). Universiti Teknologi MARA. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/35694/

Zainal Amri, N., Haron, H., & Samian, A. L. (2018). The art of kelingkan embroidery as a catalyst for the development of the creative industry. *International Journal of Civil Engineering and Technology, 9*(5), 25–30. https://discol.umk.edu.my/id/eprint/7415/